

16 AUG 2003

Mahathir-Buku (Bergambar)/I

BUKU BARU MENGENAI HUBUNGAN MALAYSIA-AFRIKA

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

EZULWINI (Swaziland), 16 Ogos (Bernama) -- Satu buku dilancarkan di Dialog Perkongsian Pintar Antarabangsa Global 2003 di sini mengenai hubungan yang terus berkembang antara Malaysia dan Afrika.

Bertemakan "Malaysia-Africa Relations, Searching For Common Goals" hasil karya Dr Hamidin Abdul Hamid, seorang sejarawan Malaysia yang mengajar pengajian Afrika di Universiti Malaya.

Buku itu dilancarkan bersama oleh Raja Swaziland, Mswati III, yang menjadi tuanrumah bagi dialog itu pada tahun ini dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ia menekankan peranan penting yang dimainkan oleh Dr Mahathir dalam menjalin kerjasama erat yang kini wujud antara negara-negara Afrika dan Malaysia.

Satu kenyataan yang dikeluarkan semasa pelancaran buku itu menyebut buku itu mengutarakan pembentukan G-15 dan pembabitan bermakna oleh Malaysia dalam kerjasama Selatan-selatan sebagai bukti hubungan Malaysia bersama Afrika.

Ia juga menyebut bahawa dekad lepas menyaksikan peningkatan dalam perdagangan dan pelaburan Malaysia dengan Afrika.

Dr Hamidin berkata dalam buku itu yang lebih penting, acara-acara seperti Dialog Antarabangsa Langkawi telah membawa bersama kedua-dua negara itu.

Idea-idea yang diperkenalkan oleh Dr Mahathir seperti Perkongsian Pintar kerjasama saling menguntungkan dan makmurkan jiran diterima pakai oleh Afrika dan membawa kepada penubuhan Dialog Antarabangsa Selatan Afrika pada 1997 iaitu satu daripada cabang Dialog Antarabangsa Langkawi (LID).

Dalam buku itu, Dr Hamidin berkata hubungan Malaysia-Afrika berteraskan kepada matlamat bersama yang diiktiraf dalam ekonomi dunia, hubungan politik dan sosial.

Buku "Malaysia-Africa Relations, Searching for Common Goals" kini boleh didapati di kedai-kedai buku utama di sini pada harga US\$20.00.

-- BERNAMA

MR JM PR